

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Friday, November 22, 2019 7:46 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Lontar Pelbagai Idea Demi Mantapkan Majlis Konvokesyen Ke-33



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

22 NOVEMBER 2019 / 25 RABIULAWAL 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

LONTAR PELBAGAI IDEA DEMI MANTAPKAN MAJLIS KONVOKESYEN KE-33



UUM ONLINE: Pelbagai idea dilontarkan oleh Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani untuk memantapkan lagi Majlis Konvokesyen UUM Ke-33 pada tahun hadapan.

Beliau berkata, konvokesyen merupakan salah satu acara penting universiti dan UUM telah mengadakan majlis konvokesyen buat kali ke-32 sejak penubuhan universiti ini.

"Dalam tempoh ini, kita sudah menjadi semakin matang dengan UUM, justeru seharusnya kita memikirkan perancangan tahun depan yang lebih baik supaya tidak menjadi majlis yang membosankan yang dihujungnya nanti kita hanya sekadar mendapat penat dan letih.

"Saya mahu majlis bersejarah tersebut sarat dengan pengisian bermanfaat termasuk jemputan terdiri penerima ijazah kehormat, alumni yang berjaya dan penerima anugerah Profesor Emeritus," katanya pada Majlis Meraikan Petugas Konvo UUM Ke-32 di Teater Eksperimen, Dewan Mu'adzam Shah, semalam.

Naib Canselor berkata, beliau berhasrat menjadikan pesta konvokesyen akan datang menjadi lebih energetik, penuh kreativiti, inovatif dan pelbagai aktiviti melibatkan penyertaan masyarakat setempat.

Pada majlis itu, beliau turut beramah mesra bersama petugas yang komited dan bertungkus-lumus sepanjang Majlis Konvokesyen UUM Ke-32 lalu.

Di sebalik kejayaan pelaksanaan majlis konvokesyen itu, petugas konvo terdiri staf pentadbiran dan akademik serta pelajar merupakan orang kuat yang berganding bahu dalam merealisasikan impian graduan yang berjaya menggenggam segulung ijazah.

Berbekalkan semangat berpasukan yang tinggi, petugas konvo UUM ini setia memberi buah fikiran, mengorbankan masa, tenaga dan saling hormat-menghormati menjalankan amanah dengan penuh dedikasi demi memastikan kelancaran majlis gilang-gemilang tersebut.

